

20/06/1999

Singapura tidak wajar campuri pentadbiran Malaysia

KUALA LUMPUR: Akhbar di Singapura tidak wajar meneruskan amalan menghasut atau cuba mencampuri urusan pentadbiran Malaysia kerana tindakan itu boleh merosakkan hubungan baik antara kedua-dua negara.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, berkata tindakan akhbar Singapura jelas bertentangan dengan falsafah kedaulatan sesebuah negara, termasuk Malaysia.

"Selama ini, akhbar kita tidak pernah buat macam itu. Tetapi, saya tak faham kenapa mereka buat demikian. Tak patutlah akhbar Singapura buat macam itu," katanya kepada pemberita di sini semalam.

Kelmarin, sebuah akhbar Singapura mencadangkan Malaysia ditadbir oleh kepemimpinan baru menjelang alaf baru.

Business Times dalam rencana lidah pengarangnya berpendapat Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, tidak akan mencapai kemuncak kerjayanya walaupun memenangi pilihan raya akan datang.

Menteri Besar Pahang, Datuk Adnan Yaacob, pula berkata Singapura seharusnya bijak menghormati negara bebas lain seperti Malaysia yang merdeka sejak 1957.

Beliau berkata, di Malaysia semua pemimpin mendapat mandat menerusi undi padu rakyat, bukannya diberi begitu saja oleh `pihak akhbar'.

"Jadi, saya rasa pelik apabila akhbar Singapura buat begitu. Adakah mereka lupa fakta semua pemimpin Malaysia dipilih oleh rakyat. Lagipun, ini cuma isu kecil (merujuk kepada tindakan akhbar Business Times).

"Tapi, walaupun kecil ia boleh merosakkan hubungan antara Malaysia dan Singapura. Kalau selalu menghasut, hubungan boleh jadi rosak," katanya.

Adnan yang juga Ketua Penerangan Umno Pahang berkata, selaku parti teras dalam Barisan Nasional, Umno mewakili majoriti struktur kepemimpinan di negara ini.

(END)